

## JAUHI SIFAT ANGKUH DAN SOMBONG

Sifat angkuh dan sompong telah banyak membinasakan makhluk Allah s.w.t., bermula dari peristiwa pengusiran Iblis dari syurga kerana, lantaran niat sompongnya, enggan sujud kepada Nabi Adam a.s. tatkala diperintahkan oleh Allah s.w.t. untuk sujud hormat kepadanya.

Demikian juga Allah s.w.t telah menenggelamkan Qarun beserta seluruh hartanya ke dalam perut bumi disebabkan kesombongan dan keangkuhannya terhadap Allah s.w.t. dan juga kepada kaumnya sendiri.

Allah s.w.t. juga telah menenggelamkan Fir'aun dan bala tenteranya ke dalam laut kerana kesombongan dan keangkuhannya terhadap Allah s.w.t. dan juga kepada kaumnya sendiri, dan kerana kesombongannya itulah dia lupa diri sehingga dengan keangkuhannya dia menyatakan dirinya adalah tuhan yang mesti disembah dan diagungkan.

Kehancuran kaum Nabi Luth a.s. juga karena kesombongan mereka dengan menolak kebenaran yang disampaikan Nabi Luth a.s. agar mereka meninggalkan kebiasaan buruk mereka iaitu melakukan penyimpangan seksual, yakni lebih suka memilih pasangan hidup sama jenis (homosek); sehingga tanpa disangka-sangka pada suatu pagi, Allah s.w.t. membalikkan bumi tempat tinggal mereka dan tiada seorang pun dari mereka yang dapat menyelamatkan diri dari azab Allah yang datangnya secara tiba-tiba itu.

Dan masih banyak kisah lain yang dapat menyedarkan manusia dari sifat sompong dan angkuh, sekiranya mereka menggunakan hati nurani dan akalnya yang sihat.

Mengapa manusia dilarang bersikap sompong? Sebabnya ialah manusia adalah makhluk yang lemah. Layakkah makhluk yang lemah itu bermegah-megah dan sompong di hadapan penguasa langit dan bumi? Sayangnya, realiti masakini, kita dapat ramai manusia yang lupa hakikat dan jati dirinya, sehingga membuat dia sompong dan angkuh untuk menerima kebenaran, memandang rendah orang lain, serta memandang dirinya sempurna segala-galanya.

Rasulullah s.a.w, telah menjelaskan tentang bahayanya sifat sompong dan angkuh, sebagaimana diriwayatkan dari Abdullah Bin Mas'ud r.a., dari Nabi s.a.w, beliau bersabda,

"Tidak masuk syurga sesiapa yang ada di dalam hatinya sedikit sifat sompong". Kemudian seseorang berkata: "(Ya Rasulullah) sesungguhnya seseorang itu suka pakaianya bagus dan kasutnya bagus", Baginda bersabda: "Sesungguhnya Allah itu indah dan Dia menyukai keindahan, (dan yang dimaksud dengan) kesombongan itu adalah menolak kebenaran dan merendah-rendahkan orang lain" (Hadith riwayat Muslim)

Imam An-Nawawi rahimahullah memberi komentar tentang hadith ini, "Hadith ini berisi larangan dari sifat sompong iaitu menyombongkan diri kepada manusia, memperlekehkan mereka dan menolak kebenaran". (Syarah Shahih Muslim 2/269).

Al-Hafizh Ibnu Rajab Al-Hambali rahimahullah berkata, "Orang yang sompong adalah orang yang memandang dirinya sempurna segala-galanya, dia memandang orang lain rendah, meremehkannya dan menganggap orang lain itu tidak layak mengerjakan suatu urusan, dia juga sompong dari menerima kebenaran dari orang lain". (Jami'ul Ulum Wal Hikam 2/275)

Raghib Al-Asfahani rahimahullah berkata, "Sombong adalah keadaan seseorang yang merasa bangga dengan dirinya sendiri, memandang dirinya lebih utama dari orang lain, kesombongan yang paling dahsyat adalah sompong kepada Rabbnya dengan cara menolak kebenaran (dari-Nya) dan angkuh untuk tunduk kepada-Nya baik berupa ketaatan maupun dalam mentauhidkan-Nya." (Umdatul Qari` 22/140).

Nash-nash Ilahiyyah banyak sekali mencela orang yang sompong dan angkuh, baik yang terdapat dalam Al-Qur'an maupun dalam As-Sunnah.

### **1. Orang Yang Sombong Telah Mengabaikan Perintah Allah s.w.t.**

Allah s.w.t. berfirman, artinya:

"Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sompong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sompong takbur, lagi membanggakan diri." (Surah Luqman, Ayat 18)

Ibnu Abbas r.a, ketika menjelaskan makna firman Allah s.w.t: "Dan janganlah kamu memalingkan mukamu dari manusia", berkata: "Janganlah kamu sompong dan merendahkan manusia, hingga kamu memalingkan mukamu ketika mereka berbicara kepadamu." (Tafsir At-Thabari, 21/74)

Ibnu Katsir rahimahullah mengatakan Firman Allah s.w.t, "Dan janganlah kamu berjalan di muka bumi dengan angkuh", maksudnya: "Janganlah kamu menjadi orang yang sompong, keras kepala, berbuat sesuka hati, janganlah kamu lakukan semua itu yang menyebabkan Allah murka kepadamu". (Tafsir Ibnu Katsir 3/417).

### **2. Orang Yang Sombong Menjadi Penghuni Neraka.**

Allah s.w.t. berfirman, mafhumnya:

"(Setelah itu) dikatakan kepada mereka: Masukilah pintu-pintu Neraka Jahannam itu dengan keadaan tinggal kekal kamu di dalamnya; maka seburuk-buruk tempat bagi orang-orang yang sompong takbur ialah Neraka Jahannam"

(Surah Az-Zumar, Ayat 72)

Rasulullah s.a.w bersabda,

"Tidak akan masuk syurga siapa yang ada di dalam hatinya sedikit kesombongan." (HR. Muslim)

Dalam hadith lain Rasulullah s.a.w bersabda, "Mahukah Aku beritahu kepada kamu tentang penghuni syurga? Para Sahabat menjawab: "Tentu (wahai Rasulullah)", lalu Baginda berkata: "(Penghuni syurga adalah) orang-orang yang lemah lagi direndahkan oleh orang lain, kalau dia bersumpah (berdoa) kepada Allah nescaya Allah kabulkan doanya. Mahukah Aku beritahu kepada kamu tentang penghuni neraka?" Para Sahabat menjawab: "Tentu (wahai Rasulullah)", lalu Baginda berkata: "(Penghuni neraka adalah) orang-orang yang keras kepala, berbuat sesuka hati (kasar), lagi sompong". (Hadith riwayat al-Bukhari & Muslim)

### **3. Orang Yang Sombong Pintu Hatinya Terkunci Dan Tertutup.**

Sebagaimana Firman Allah s.w.t., mafhumnya:

"Demikianlah Allah mengunci mati pintu hati orang yang sompong takabbur, lagi bermaharajalela pencerobohnya". (Surah Ghaafir, Ayat 35)

Imam Asy-Syaukani rahimahullah berkata, "Sebagaimana Allah mengunci mati hati orang yang memperdebatkan ayat-ayat Allah maka demikian juga halnya Allah juga mengunci mati hati orang yang sompong dan berbuat sewenang-wenangnya, yang demikian itu kerana hati merupakan sumber dan pangkal kesombongan, sedangkan anggota tubuh hanya tunduk dan patuh mengikuti hati". (Fathul Qodir, 4/492).

#### **4. Kesombongan Membawa Kepada Kehinaan Di Dunia Dan Di Akhirat**

Orang yang sompong akan mendapat kehinaan di dunia ini berupa kejahilan, sebagai balasan dari perbuatannya. Perhatikanlah firman Allah s.w.t, ertinya: "Aku akan memalingkan (hati) orang-orang yang sompong takabbur di muka bumi dengan tiada alasan yang benar dari (memahami) ayat-ayat-Ku (yang menunjukkan kekuasaan-Ku)". (Surah Al-'Araf, Ayat 146)

Maksudnya, iaitu, Aku (Allah) halangi mereka dari memahami hujah-hujah dan dalil-dalil yang menunjukkan tentang keagungan-Ku, syari'at-Ku, hukum-hukum-Ku pada hati orang-orang yang sompong untuk ta'at kepada-Ku dan sompong kepada manusia tanpa alasan yang benar, sebagaimana mereka sompong tanpa alasan yang benar, maka Allah hinakan mereka dengan kebodohan (kejahilan). (Tafsir Ibnu Katsir 2/228)

Kebodohan adalah sumber segala malapetaka, sehingga Allah sangat mencela orang-orang yang jahil dan orang-orang yang selesa dengan kejahilannya, Allah s.w.t. berfirman, artinya: "Sesungguhnya sejahat-jahat makhluk yang melata, pada sisi (hukum dan ketetapan) Allah, ialah orang-orang yang pekak lagi bisu, yang tidak mahu memahami sesuatu pun (dengan akal fikirannya)". (Surah Al-Anfal, Ayat 22)

Allah s.w.t. menghina orang-orang yang tidak mahu menerima kebenaran dan tidak mahu mengatakan yang haq, sehingga orang tersebut tidak memahami ayat-ayat-Nya yang pada akhirnya menyebabkan dia menjadi seorang yang jahil dan tidak mengerti apa-apa; dan kejahilan itulah bentuk kehinaan bagi orang-orang yang sompong.

Dan orang yang sompong di akhirat dihinakan oleh Allah s.w.t. dengan mengecilkan saiz tubuh mereka sekecil semut dan kehinaan datang kepada mereka dari segenap penjuru, hal ini sebagaimana disabdakan oleh Rasulullah s.a.w dalam hadith berikut:

"Orang-orang yang sompong akan dihimpunkan pada hari kiamat seperti dalam bentuk semut-semut kecil dengan rupa manusia, dari segala tempat datang kehinaan kepada mereka, mereka digiring ke penjara neraka jahannam yang di sebut Bulas, di bahagian atasnya api yang menyala-nyala dan mereka diberi minuman dari kotoran penghuni neraka". (Hadith riwayat Tirmizi & Ahmad, dihasankan oleh Syeikh Al-Albani dalam Al-Misykat)

Semoga dengan merenungi nash-nash Ilahiyyah diatas, rahmat Allah akan sentiasa bersama kita dan menjauhkan kita dari sifat angkuh dan sompong.

(Abu Abdillah Dzahabi)

*Tulisan ini disadur dari Majalah Al-Furqon Edisi: 5 Tahun V/Zulhijjah 1426 /Januari 2006*

*Sumber: Disaring dari artikel asal yang disiarkan oleh <http://www.alsofwah.or.id/>*